

# Hakim perlu bantu capai wawasan

11 - 5 APR 1994

**K**UALA LUMPUR 7 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan supaya turut memainkan peranan untuk membantu kerajaan mencapai matlamat Wawasan 2020.

Sehubungan dengan itu kata beliau, pegawai-pegawai perkhidmatan tersebut seharusnya memahami tugas dan tanggungjawab bagi mencapai matlamat itu.

Menurut Dr. Mahathir, tindakan tersebut penting bagi membentuk sebuah kerajaan yang berskil tinggi dan berupaya menghadapi sebarang kemungkinan pada masa-masa akan datang.

“Saya yakin semua pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan faham tentang tugas dan tanggungjawab masing-masing. Sebagai pegawai perkhidmatan perundangan dan kehakiman, mereka bertanggungjawab mempertahankan kerajaan dan juga keadilan,” kata beliau ketika berucap pada majlis Perdana Menteri Bersama Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan anjuran Jabatan Peguam Negara di sini, hari ini.

Dr. Mahathir kemudian mengadakan dialog tertutup dengan kira-kira 200 pegawai perkhidmatan berkenaan.

Perdana Menteri seterusnya memberitahu, pegawai-pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan perlu memastikan bahawa kuasa yang diberikan tidak disalahgunakan.

“Kerajaan bukan merupakan ‘kakitangan awam’ kekal. Walaupun terdapat

perubahan dalam kerajaan dan personaliti, kakitangan awam perlu meneruskan tanggungjawab mereka tanpa halangan.

“Adalah penting setiap orang faham tentang tugas dan tanggungjawab masing-masing dan memainkan peranan mereka,” katanya.

Menurutnya, setiap orang perlu memastikan negara ini sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Tambah Dr. Mahathir, beliau sedar bahawa terdapat peranan yang boleh dimainkan oleh pegawai-pegawai perundangan dan kecemerlangan mereka

untuk mencapai pembangunan sebagaimana diharapkan oleh kerajaan.

“Oleh itu, anda perlu mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan secara berterusan dalam memahami peranan dan bagaimana menggunakan kuasa yang diberikan,” katanya.